

# PANDUAN MAKLUMAT

[www.sunwaycancercentre.com](http://www.sunwaycancercentre.com)



## PELINDUNG MATA UNTUK RAWATAN RADIOTERAPI



### *Pelindung Mata untuk Radioterapi Agar Rawatan Kanser Selamat dan Berkesan*

Radioterapi ialah rawatan kanser yang menggunakan dos radiasi tinggi untuk membunuh sel-sel kanser. Apabila kanser berlaku di kawasan berhampiran mata, perlindungan khas diperlukan untuk melindungi tisu sensitif daripada kerosakan yang disebabkan oleh radiasi. Dengan itu, pelindung mata digunakan. Alat ini melindungi mata, membolehkan doktor menumpukan rawatan pada kawasan kanser sambil mengurangkan kerosakan pada tisu yang sihat.

## PELINDUNG MATA UNTUK RAWATAN RADIOTERAPI

### 👁️ Bagaimana Pelindung Mata Berfungsi?

Pelindung mata adalah alat kecil yang direka khas, diperbuat daripada bahan seperti tungsten atau plumbum, dan berbentuk seperti kanta lekap. Ia melindungi mata dari radiasi. Alat ini diletakkan di bawah kelopak mata. Ia mempunyai pemegang kecil untuk membantu meletakkannya pada kedudukan yang betul, memastikan perlindungan sambil membolehkan pancaran rawatan yang tepat ke tisu-tisu sekeliling.



### 👁️ Mengapa Penggunaan Pelindung Mata Penting?

Menggunakan pelindung mata semasa rawatan radioterapi menawarkan pelbagai manfaat. Ia melindungi kornea, retina, dan lensa daripada terdedah kepada radiasi yang tidak diperlukan, mengurangkan risiko kesan sampingan jangka panjang seperti:



Katarak



Penglihatan Terjejas  
atau Hilang



Keradangan Mata

## PROSEDUR

### 👁️ Langkah 1: Persediaan untuk Pelindung Mata dan Mata Anda

Terapis radiasi dan jururawat akan membantu anda melalui proses ini dan memastikan pelindung mata diletakkan dengan selesa. Anda mungkin merasa sedikit tekanan apabila ia diletakkan, tetapi ia tidak akan menyebabkan kesakitan atau mengganggu penglihatan anda semasa rawatan.

Sebelum sesi radioterapi, persediaan teliti akan dilakukan untuk memastikan kedua-dua pelindung mata tungsten dan mata anda bersedia untuk rawatan.

#### Langkah-langkah Persediaan



##### Memilih Saiz Pelindung Mata yang Betul

- Terdapat pelbagai saiz pelindung mata
- Terapis radiasi/jururawat kami akan memilih saiz yang paling sesuai untuk anda



##### Proses Pembasmian Kuman

- Pelindung mata dibersihkan untuk mengelakkan sebarang risiko jangkitan atau iritasi



##### Melembapkan Mata

- Untuk keselesaan, ubat untuk melembapkan mata diletakkan untuk mengurangkan geseran apabila pelindung mata dimasukkan

## 👁️ Langkah 2: Memasukkan Pelindung Mata

Proses meletakkan pelindung mata merupakan proses yang teliti. Berikut adalah langkah-langkahnya:

### 1 Ubat Mata Anestetik

Untuk mengelakkan ketidakselesaan, pakar onkologi akan memberikan ubat mata anestetik setempat untuk membius mata yang dirawat. Jururawat akan menitikkan ubat mata ini sebelum pelindung mata digunakan.

### 2 Memasang Pelindung Mata

Jururawat akan meminta pesakit untuk melihat ke atas dan ke bawah semasa pelindung mata dipasang dengan berhati-hati. Ia sama ada akan diletakkan di bawah kelopak mata atau di permukaan mata anda. Pelindung mata direka untuk dipasang dengan selamat dan kekal di tempatnya sepanjang rawatan.

### 3 Menyesuaikan Posisi

Setelah pelindung mata dipasang, terapi radiasi dan jururawat akan memastikan ia diletakkan dengan betul untuk melindungi mata sambil membolehkan pancaran radiasi yang tepat.

### 4 Pemantauan

Pasukan penjagaan kesihatan akan memantau posisi pelindung mata dan tahap keselesaan anda sepanjang proses ini dijalankan.

## 👁️ Langkah 3: Semasa dan Selepas Rawatan

Semasa pelindung mata dipasang sepanjang sesi radioterapi, anda mungkin mengalami sedikit tekanan pada mata, tetapi tidak sepatutnya sakit kerana ubat pelali telah diletakkan.



- ✔️ Setiap sesi radioterapi mengambil masa antara 10-20 minit, bergantung pada kerumitan kawasan rawatan.
- ✔️ Setelah rawatan selesai, pelindung mata akan dikeluarkan secara lembut. Anda mungkin mengalami sedikit iritasi atau rasa kering pada mata, yang sepatutnya hilang dalam masa beberapa jam.
- ✔️ Setelah rawatan selesai, anda perlu memakai penutup mata selama empat jam untuk mengelakkan sebarang kotoran daripada memasuki mata dan menyebabkan kerosakan.
- ✔️ Sila minta ahli keluarga atau rakan untuk menemani anda ke setiap sesi radioterapi kerana anda tidak boleh memandu semasa memakai penutup mata.

## KESAN SAMPINGAN

Selepas sesi radioterapi, anda mungkin mengalami beberapa kesan sampingan sementara, walaupun biasanya ia akan hilang dengan cepat:



### Iritasi atau Kemerahan Mata yang Ringan

Ini adalah biasa selepas mengeluarkan pelindung mata dan sepatutnya reda dalam masa satu atau dua hari.



### Mata Kering atau Berair

Anda mungkin mengalami kekeringan mata atau air mata berlebihan untuk tempoh yang singkat.



### Penglihatan Kabur

Sesetengah pesakit melaporkan penglihatan kabur sementara disebabkan oleh cecair atau ubat mata anestetik yang digunakan semasa prosedur. Ini sepatutnya hilang dalam masa beberapa jam.



### Peningkatan Sensitiviti Terhadap Cahaya

Anda mungkin merasakan lebih sensitif terhadap cahaya terang, tetapi kesan ini sepatutnya berkurangan dalam masa yang singkat.



### Keradangan atau Jangkitan Mata

Jika terdapat sebarang peningkatan kemerahan, discaj, atau sakit pada mata, hubungi pusat penjagaan kesihatan anda dengan segera.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami:



+603-7491 9191



+6019-297 1185



smc@sunway.com.my

Pusat Kanser & Radiosurgeri terletak di Basement, Tower C

#### Waktu Operasi

Isnin-Jumaat 8.30am - 5.30pm

Sabtu 8.30am - 1.00pm

Tutup pada Ahad dan Cuti Umum